

# Cemerlang untuk bebas hutang

**Penerima Anugerah Pelajaran Diraja UMP tekad belajar elak bayar pinjaman PTPTN**

Oleh Asrol Awang  
bhnews@bh.com.my

**Kuantan:** Tekad M Ashviny untuk tidak terbeban hutang pengajian dan membantu keluarga, menguatkan semangat belajar anak kelahiran Klang, Selangor ini sehingga dinobatkan sebagai penerima Anugerah Pelajaran Diraja pada Majlis Konvokesyen Ke-15 Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Beliau memperoleh ijazah sarjana muda kelas pertama dalam bidang Teknologi Kejuruteraan (Farmaseutikal), Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses (FTKKP), yang melayakkannya mendapat pengecualian pembayaran pinjaman pengajian da-

ripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

"Saya bersyukur kerana tidak lagi perlu membayar pinjaman. Kini, saya sudah bekerja sebagai jurutera dan gaji yang saya terima dapat membantu keluarga. Pencapaian ini juga didorong oleh faktor mahu membalas jasa bapa yang bekerja sebagai pemandu lori dan ibu, pekerja am di syarikat swasta.

"Saya juga berharap pencapaian ini akan menjadi pencetus semangat kepada empat adik," kata anak sulung daripada lima beradik itu sambil berterima kasih kepada semua pihak, terutama pihak universiti dan keluarga yang memberikan semangat.

Ashviny antara 3,556 graduan UMP 2020 yang menerima ijazah dan diploma pada Majlis Konvokesyen UMP Ke-15, yang berlangsung empat hari. Daripada jumlah itu, seramai 234 graduan menerima ijazah doktor falsafah dan sarjana, 2,364 graduan sarjana muda dan diploma serta 958 graduan UMP Advanced.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMP, Prof Dr Mohd



Ashviny (dua dari kanan) bersama graduan yang menerima ijazah dan diploma pada Majlis Konvokesyen UMP kali ke-15 di Kuantan. (Foto Asrol Awang/BH)

Rosli Hainin, berkata tujuh sesi diadakan pada konvokesyen kali ini, dengan 500 graduan bagi satu sesi, bagi mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dalam usaha menyekat penularan wabak COVID-19.

Pro Canselor UMP, Tan Sri Abi Musa Asaari Mohamed Nor ketika berucap pada sesi pertama

majlis konvokesyen berkenaan semalam, berkata graduan yang mempunyai kompetensi tinggi dengan menguasai pelbagai bahasa, berkeyakinan diri, berkomunikasi dengan baik dan berkeupayaan mengendalikan peralatan berteknologi tinggi, berkelebihan mendapat tempat dalam pekerjaan.

Katanya, ia berdasarkan laporan Jabatan Perangkaan Malaysia, yang menunjukkan 69 peratus daripada 190,436 peluang pekerjaan ditawarkan pada Disember lalu adalah dalam bidang Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET), manakala 19 peratus lagi dalam sektor pembuatan.